

13 MAR 1997

MDC MEMUKTAMADKAN 12 FIRMA UNTUK MENJALANKAN R&D DALAM MSC

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), pemaju dan pemasar Koridor Raya Multimedia (MSC) yang didaya usahakan oleh kerajaan, telah memuktamadkan 12 syarikat untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&R) dalam MSC.

Pengerusi eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah hari ini berkata antara syarikat berkenaan ialah NTT dari Jepun, Telekom Malaysia, IBM, Sun Microsystems, Microsoft, NCR dan DHL Courier Services.

"Saya telah difahami bahawa mereka telahpun membuat pengakuan untuk menyertai dalam kegiatan R&D di dalam MSC," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada kira-kira 100 ketua pegawai eksekutif mengenai MSC dan arah haluan teknologi dunia di sini.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif MIMOS (Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia) Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen turut mengambil bahagian dalam taklimat berkaitan "melihat ke masa depan," anjuran firma audit dan perunding antarabangsa, Price Waterhouse.

Pembangunan kelompok R&D, salah satu aplikasi induk di dalam MSC, akan membolehkan syarikat-syarikat yang menyertainya untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat R&D antarabangsa yang lain.

Mengenai kemajuan yang dibuat dalam merangka undang-undang siber untuk MSC, Dr Othman berkata tiga aspek utama -- akta tanda tangan digital, akta hak cipta intelek dan akta jenayah komputer -- telah disiapkan dan akan dikemukakan kepada perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami juga telah melantik sebuah firma guaman untuk membantu dan menasihati kami ke arah perangkaan akta-akta tersebut," tambahnya.

Katanya MDC telah menyediakan beberapa cadangan lain yang akan dimasukkan dalam pembangunan keseluruhan MSC, termasuk kadar tarif untuk syarikat yang ingin membawa masuk kelengkapan multimedia dan teknologi maklumat (IT).

MSC berukuran 15km kali 50km akan merangkumi Kuala Lumpur City Centre, Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang dan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru, Putrajaya.

Dr Othman juga berkata pada Jun ini MDC akan mula menerbitkan butiran berkaitan kriteria untuk syarikat-syarikat menubuhkan operasi mereka di dalam MSC. -- BERNAMA

RIZ SIA